# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 14 JULAI 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | SUSU TEPUNG SKIM BERNILAI RM304,583 DARI AS DITAHAN, NEGERI JOHOR, SH-27 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 2. | MAQIS RAMPAS 24,925KG SUSU TEPUNG, NASIONAL, BH-22 | |
| 3. | RAMPAS 24 TAN SUSU TEPUNG DARI AS, LOKAL, HM-3 | |
| 4. | MAFI KAJI CADANGAN WUJUD PUSAT KUARANTIN SETEMPAT, NASIONAL, BH-18 | |
| 5. | SEIZED MEAT FOR ZOOS, WILDLIFE HUBS, NATION, 11 | |
| 6. | MAQIS SEIZED 24,925KG OF SKIMMED MILK POWDER, NEWS IN BRIEF, NST-12 | |
| 7. | MAFI PERKASA KAWALAN BIOSEKURITI, NASIONAL, 9 | |
| 8. | MAFI KOMITED PERKASA KAWALAN BIOSEKURITI, UM-ONLINE | |
| 9. | MAFI CONSIDERING SETTING UP QUARANTINE CENTRE, BERNAMA-ONLINE | |
| 10. | MAFI CONSIDERING SETTING UP ONE STOP QUARANTINE CENTRE, THE SUN-ONLINE | |
| 11. | PUSAT KUARANTIN PANTAU KESELAMATAN MAKANAN DIKAJI, BERITA HARIAN-ONLINE | |
| 12. | MAQIS JOHOR RAMPAS 24,925KG SUSU FORMULA DARI AMERIKA SYARIKAT, ASTRO AWANI-ONLINE | |
| 13. | MAFI PLANS TO SET UP ONE STOP QUARANTINE CENTRE, THE MALAYSIAN RESERVE-7 | |
| 14. | MINISTRY CONSIDERING SETTING UP ONE-STOP QUARANTINE CENTRE, BORNEO POST-6 | |
| 15. | MAFI PLANS LAW AMENDMENT TO BLOCK LOOPHOLE IN MEAT IMPORT, SIN CHEW DAILY-22 | |
| 16. | STUDY ON SETTING UP ONE-STOP SCREENING CENTRE, CHINA PRESS-A4 | |
| 17. | MAFI KAJI CADANGAN WUJUDKAN PUSAT KUARANTIN SETEMPAT, BERNAMA-ONLINE | |
| 18. | REPORT ANIMAL ABUSE CASES, LETTERS, NST-13 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 19. | MADACORP SOKONG POLIS BANTU ORANG RINGAN BEBAN ORANG RAMAI, LOKAL,HM-25 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 20. | MADACORP SALUR 1,000 KAMPIT BERAS UNTUK RAKYAT KEDAH, SH-ONLINE | |
| 21. | UBI KELEDEK VITATO CABARAN BUAT IQMAL, DALAM NEGERI, UM-25 | LAIN-LAIN |
| 22. | PETANI MUDA UBI VOTATO, LOKAL, HM-22 | |
| 23. | REMAJA CEBURI TANAMAN UBI, WARNA - WARNI KEHIDUPAN, SH-20 | |
| 24. | PENTERNAK LEMBU KERUGIAN, MASJID BATALKAN TEMPAHAN UNTUK IBADAH KORBAN, HM-ONLINE | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | SINAR HARIAN | NEGERI JOHOR | 27 |

# Susu tepung skim bernilai RM304,583 dari AS ditahan

**JOHOR BAHRU** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan sebuah kontena membawa 24,925 kilogram (kg) susu tepung skim bernilai RM 304,583 dari Amerika Syarikat di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, kontena terbabit dikesan sewaktu pemeriksaan dijalankan pegawainya pada jam 12 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan lanjut telah mendapati nombor 'establishment' yang dinyatakan di dalam sijil kesihatan yang diikrar serta pada label bungkusan adalah berbeza.

"Kesemua 997 beg susu tepung skim itu ditahan untuk tindakan lanjut," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Menurut Hizzuan, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan kepada Jabatan Maqis adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



Kontena membawa susu tepung skim dari Amerika Syarikat ditahan di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 22 |

# MAQIS rampas 24,925kg susu tepung

**Pasir Gudang:** Sebuah kontena membawa 24,925 kilogram (kg) susu tepung dari Amerika Syarikat (AS) ditahan di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini, kelmarin, atas kesalahan mengemukakan sijil kesihatan yang berbeza dengan nombor siri pada labelnya.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor, Hizzuan Hasim, berkata perkara itu disedari anggotanya yang menjalankan pemeriksaan pada kontena berkenaan kira-kira jam 12 tengah hari.

Katanya, hasil pemeriksaan lanjut MAQIS mendapati nombor siri 'establishment' yang dinyatakan dalam sijil kesihatan yang diikrar serta pada label bungkusan, adalah berbeza.

"Semua 997 beg susu tepung dengan berat kira-kira 24,925kg bernilai RM304,583.50 itu ditahan untuk tindakan lanjut.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan kepada MAQIS adalah kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya dalam kenyataan, semalam.

Hizzuan berkata, pengimport boleh didenda maksimum RM50,000 atau dipenjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.



*Kontena membawa susu tepung dari AS bernilai RM304,583.50 ditahan di Pelabuhan Pasir Gudang, kelmarin.* (Foto ihsan MAQIS)

"MAQIS sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus diperkasakan di semua pintu masuk negara.

"Ia bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 3 |

# Rampas 24 tan susu tepung dari AS

**Pasir Gudang:** Lebih 24 tan susu tepung dari Amerika Syarikat (AS) dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor di Pelabuhan Pasir Gudang di sini kerana mengemukakan sijil kesihatan dengan nombor siri berbeza pada label kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, rampasan susulan pemeriksaan yang dilakukan ke atas satu kontena kira-kira jam 12 tengah hari di pelabuhan itu.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati nombor siri *establishment* yang dinyatakan di dalam sijil kesihatan yang diikrar serta pada label bungkusan adalah berbeza.

"Kesemua 997 beg susu tepung dengan berat kira-kira 24,925 kilogram bernilai RM304,583.50 itu ditahan untuk tindakan lanjut.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian dengan memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen lain yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan kepada Maqis adalah kesalahan mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Hizzuan berkata, jika disabit kesalahan, pengimport boleh didenda maksimum RM50,000 atau dipenjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan akan terus diperkasakan lagi di semua pintu masuk negara.

"Ia bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya.




SEBUAH kontena membawa 24 tan susu tepung dari AS ditahan di Pelabuhan Pasir Gudang, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14.07.2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# MAFI kaji cadangan wujud pusat kuarantin setempat

## Langkah bagi perkukuh aspek biosekuriti, keselamatan makanan negara

**Shah Alam:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang mengkaji cadangan mewujudkan Pusat Kuarantin Setempat atau *One Stop Quarantine Centre* (OSQC) bagi memperkasakan dan memperkukuh aspek biosekuriti dan keselamatan makanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata cadangan penubuhan OSQC ini adalah rentetan risiko penyakit atau perosak yang dibawa bersama dagangan, yang mana OSQC dengan memenuhi standard antarabangsa akan dikaji untuk dibangunkan di pintu masuk negara.

Beliau berkata, perkara itu bagi memastikan setiap dagangan agromakanan melalui proses pemeriksaan dan kuarantin yang komprehensif di pintu masuk sebelum diimport masuk atau dieksport ke luar negara.

Secara umumnya, katanya, OSQC yang dicadangkan itu akan mempunyai lima fungsi iaitu pengesanan virus/mikroorganisma, proses pembasmian kuman, pusat kuarantin, pensijilan kuarantin dan pencegahan aktiviti haram.

"Buat masa ini, negara tidak mempunyai satu pusat kuarantin setempat sebegini yang dilengkapi dengan teknologi terkini di setiap pintu masuk bagi membolehkan pemeriksaan komprehensif dilakukan," katanya dalam kenyataan, semalam.

"Selain pembangunan infrastruktur dan fasiliti, projek ini juga membabitkan cadangan pembangunan sistem teknologi maklumat tersendiri untuk membantu proses kebolehkesanan dan automasi akan digunakan," katanya.



*Ronald Kiandee*

Dalam kenyataan sama, dimaklumkan Ronald telah menyerahkan produk daging sejuk beku yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara berjumlah 54 tan dengan nilai rampasan sebanyak RM1.5 juta kepada lapan jabatan dan agensi.

Produk sejuk beku diserahkan di Pelabuhan Klang semalam adalah hasil rampasan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) yang dilucuthakkan membabitkan kes dari Februari sehingga April.

Beliau membuat penyerahan itu kepada wakil di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), antaranya Zoo Taiping Perak, Zoo Melaka, pihak Lost World of Tambun Perak, National Wildlife Rescue Center (NWRC) Perak serta kepada pihak Penjara Penor Pahang, Penjara Pengkalan Chepa Kelantan dan Penjara Marang Terengganu.

"MAFI melalui MAQIS komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan memberi sumbangan kepada mana-mana jabatan atau agensi yang memerlukan seperti pihak zoo dan pihak Penjara yang mana sitaan itu akan dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli bagi projek rehabilitasi banduan di penjara serta sumber makanan haiwan di zoo dan pusat konservasi hidupan liar," katanya.

BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | NEW STRAITS TIMES | NATION | 11 |

WORTH RM1.5 MILLION

# SEIZED MEAT FOR ZOOS, WILDLIFE HUBS

54 tonnes of frozen meat intercepted by Maqis to feed animals

NURADZIMMAH DAIM
**PORT KLANG**
news@nst.com.my




*Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (right) at the handing over of the meat to various agencies in Port Klang yesterday.* PIC COURTESY OF THE AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRY MINISTRY

FIFTY-FOUR tonnes of frozen meat worth RM1.5 million confiscated by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) have been distributed to feed animals in zoos and wildlife conservation centres.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the meat, illegally imported from various countries, were seized during checks by Maqis here between February and April, and had undergone legal process under Sections 11(1) and 15(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011.

The products were handed to representatives from agencies under the Wildlife and National Parks Department, Taiping Zoo in Perak, Melaka Zoo, Lost World of Tambun and National Wildlife Rescue Centre in Perak.

A portion of the haul was also distributed to the Penor (Pahang), Pengkalan Chepa (Kelantan) and Marang (Terengganu) Prisons for their catfish farming projects.

Kiandee said the government would review the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 to address leakages involving meat imports, such as tightening the requirements for transit and transhipment of meat imports.

"The cabinet committee on the National Food Security Policy, chaired by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, on June 8 agreed on proposals to boost monitoring of meat imports.

"At the same time, the Agriculture and Food Industry Ministry is also mulling the establishment of a one-stop quarantine centre (OSQC) to strengthen the biosecurity and food security aspects, in line with the national food security agenda."

He said the proposed OSQC was to address risks of diseases brought by imported meat.

The centre, he said, would ensure that imported and exported agrofood products underwent inspection and quarantine process according to international standards.

He said the proposed centre would have five functions — detecting viruses/microorganisms, carrying out disinfection, as a quarantine centre, quarantine certification and preventing illegal activities.

"Apart from infrastructure development and facilities, it will also include the proposed development of its own information technology system to assist in traceability and automation.

"Apart from enhancing the country's biosecurity and food security, the OSQC will encourage economic development and businesses, especially agrofood products and e-commerce, as well as boost their marketability at the international level."

The *New Straits Times* last year reported on a meat smuggling ring in the country that had been running for more than 40 years.

A large-scale probe by the authorities later revealed the involvement of officials in facilitating the importation of non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14.07.2021 | NEW STRAITS TIMES | NEWS IN BRIEF | 12 |

# Maqis seizes 24,925kg of skimmed milk powder

**JOHOR BARU:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) on Monday seized a container filled with skimmed milk powder imported from the United States at the Pasir Gudang Port. Johor Maqis director Hizzuan Hasim said the department conducted a check on the container at noon. "We found the establishment number on the health declaration certificate was different from the one on the label of the packaging. We confiscated the 997 bags of skimmed milk powder, weighing 24,925kg and valued at RM304,583.50, for further action," said Hizzuan in a statement.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |


MAFI kaji wujudkan Pusat Kuarantin Setempat

# MAFI perkasa kawalan biosekuriti

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

**SHAH ALAM**

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 8 Jun lalu bersetuju dengan cadangan tindakan pengukuhan dan pemantauan pengimportan daging susulan isu produk daging sejuk beku yang diimport secara tidak sah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, antara cadangan tindakan yang dipersetujui adalah pengukuhan pemantauan dan penguatkuasaan dalam mengatasi ketirisan melibatkan pengimportan daging, menambah baik kaedah pemantauan pengimportan serta transit produk daging dengan memperkukuh prosedur operasi standard (SOP).

Menurutnya, cadangan lain ialah memperhalus syarat-syarat transit bagi tujuan transit dan *transshipment* serta melaksanakan kajian semula bagi memperkemaskan peruntukan akta dan peraturan sedia ada termasuk Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Pada masa yang sama, bagi memperkasa dan memperkukuhkan lagi aspek biosekuriti dan keselamatan makanan negara, MAFI juga sedang mengkaji cadangan mewujudkan Pusat Kuarantin Setempat atau One Stop Quarantine Centre (OSQC) selaras dengan agenda sekuriti makanan negara," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.



Ronald (tiga dari kiri) menyerahkan sumbangan bekalan makanan haiwan kepada salah seorang wakil penerima daripada lapan jabatan dan agensi Perhilitan yang terpilih.

*"MAFI juga sedang mengkaji cadangan mewujudkan Pusat Kuarantin Setempat atau One Stop Quarantine Centre (OSQC) selaras dengan agenda sekuriti makanan negara."*

Sebelum itu, Ronald membuat serahan sumbangan bekalan makanan haiwan kepada lapan jabatan dan agensi berupa produk daging sejuk beku hasil rampasan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang telah dilucuthakkan yang membabitkan kes dari bulan Februari sehingga April 2021 di Pelabuhan Klang.

Turut hadir, Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Ketua Pengarah Maqis, Dr Azhari Sharidan Abu Bakar; Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Maqis, Siti Nur Ahmad dan Pengarah Maqis Negeri Selangor, Zamri Hashim.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, cadangan penubuhan OSQC itu adalah rentetan risiko penyakit atau perosak yang dibawa bersama dagangan dan OSQC yang memenuhi standard antarabangsa dikaji untuk dibangunkan di pintu masuk negara.

"Ia bagi memastikan setiap dagangan agromakanan melalui proses pemeriksaan dan kuarantin yang komprehensif di pintu masuk sebelum diimport masuk atau dieksport ke luar negara," jelas Ronald.

Beliau berkata, buat masa ini, negara tidak mempunyai satu pusat kuarantin setempat yang dilengkapi dengan teknologi-teknologi terkini di setiap pintu-pintu masuk bagi membolehkan pemeriksaan komprehensif dilakukan.

"Secara umumnya, OSQC yang dicadangkan ini akan mempunyai lima fungsi iaitu virus/pengesan mikroorganisma, proses disinfeksi, pusat kuarantin, sijil kuarantin dan pencegahan aktiviti yang tidak sah.

"Selain pembangunan infrastruktur dan fasiliti, projek berkenaan juga akan melibatkan cadangan pembangunan sistem teknologi maklumat tersendiri untuk membantu proses *traceability* dan automasi," kata beliau.

Ronald berkata, selain memperkukuhkan lagi kawalan biosekuriti dan keselamatan makanan negara, cadangan penubuhan OSQC tersebut juga akan menggalakkan perkembangan ekonomi dan perniagaan khususnya produk agromakanan dan e-dagang serta meningkatkan kebolehpasaran produk agromakanan negara di peringkat antarabangsa.

Ronald turut membuat penyerahan sumbangan bekalan makanan haiwan kepada wakil-wakil di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), antaranya Zoo Taiping Perak, Zoo Melaka, pihak Lost World of Tambun Perak, National Wildlife Rescue Center (NWRC) Perak serta kepada pihak Penjara Penor Pahang, Penjara Pengkalan Chepa Kelantan dan Penjara Marang Terengganu.

Ronald berkata, MAFI melalui Maqis komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan memberi sumbangan kepada mana-mana jabatan atau agensi yang memerlukan seperti pihak zoo dan pihak penjara.

"Sitaan tersebut akan dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli bagi projek rehabilitasi banduan di penjara serta sumber makanan haiwan di zoo dan pusat konservasi hidupan liar," kata Ronald.

Beliau memberitahu, sumbangan yang diserahkan pada Selasa di bawah program MAFI Prihatin adalah produk daging sejuk beku yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara yang secara keseluruhannya berjumlah 54 tan dengan nilai rampasan sebanyak RM1.5 juta.

Jelasnya, kesemua serahan itu adalah hasil daripada sitaan terhadap pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses lucut hak di bawah kesalahan Seksyen 11 (1) dan 15 (1), Akta 728.

"Maqis sebagai benteng utama bagi menjaga jaminan bekalan dan keselamatan makanan khususnya keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara.

"Maqis akan terus menguatkuasakan perlaksanaan undang-undang negara dalam memastikan isu-isu yang melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak atau penyakit merbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal di semua pintu masuk negara demi kesejahteraan rakyat dan negara," katanya.



Ronald (tiga dari kanan) dan tetamu yang hadir melihat produk daging sejuk beku.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | - |

# MAFI KOMITED PERKASA KAWALAN BIOSEKURITI



**PETALING JAYA:** Kementerian Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) komited memperkasakan kawalan biosekuriti selaras dengan agenda sekuriti makanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, pihak kementerian juga sedang mengkaji cadangan mewujudkan Pusat Kuarantin Setempat (OSQC) selaras dengan agenda sekuriti makanan negara.

"Penubuhan Pusat Kuarantin Setempat atau One Stop Quarantine Centre (OSQC) bakal menggalakkan lagi perkembangan ekonomi dan perniagaan, namun, masih memerlukan kajian lebih tepat.

"Ini termasuklah produk agromakanan dan e-dagang serta meningkatkan kebolehpasaran produk agromakanan negara di peringkat antarabangsa," jelasnya.

Selain daripada pembangunan infrastruktur dan fasiliti, kata Ronald, projek ini juga akan melibatkan cadangan pembangunan sistem teknologi maklumat tersendiri untuk membantu proses traceability dan automasi akan digunakan.

"Buat masa ini, negara tidak mempunyai satu pusat kuarantin setempat sebegini yang dilengkapi dengan teknologi-teknologi terkini bagi membolehkan pemeriksaan komprehensif dilakukan.

"OSQC yang memenuhi standard antarabangsa sedang dikaji untuk dibangunkan di pintu masuk negara bagi memastikan setiap dagangan agromakanan melalui proses pemeriksaan (inspection) dan kuarantin (quarantine) yang komprehensif di pintu masuk sebelum diimport masuk atau dieksport keluar negara," katanya.

Pihak MAFI hari ini turut menyerahkan sumbangan di bawah program MAFI Prihatin berupa produk daging sejuk beku yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara dengan keseluruhannya berjumlah 54 tan metrik dengan nilai rampasan sebanyak RM1.5 juta.

Kesemua serahan itu adalah hasil daripada sitaan terhadap pengimportan keluaran pertanian yang telah melalui proses lucut hak di bawah kesalahan Seksyen 11 (1) dan 15 (1), Akta 728. -UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | BERNAMA | ONLINE | - |

# MAFI CONSIDERING SETTING UP ONE-STOP QUARANTINE CENTRE



**SHAH ALAM, July 13** -- The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is studying proposals to set up a One-Stop Quarantine Centre (OSQC) to further empower and enhance the biosecurity and safety aspects of the country's food supply.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the proposed setting up of the OSQC was in view of the risk of diseases or pests being brought in via trade, adding that the OSQC, which would meet international standards, would be studied for development at the country's gateways.

He said this was to ensure every agro-food trade underwent a comprehensive inspection and quarantine process at the country's gateways before they are imported or exported.

Generally, he said, the proposed OSQC would have five functions, namely virus/microorganism detection, disinfection process, quarantine centre, quarantine certification and prevention of illegal activities.

"Currently, the country does not have a one-stop quarantine centre that is equipped with the latest technology at every gateway to ensure comprehensive inspections are carried out," he said in a statement todayHe said the proposed OSQC was to address risks of diseases brought by the imported meats, whereby the centre would meet international standards to ensure that all agrofood products brought into the country or exported where inspection and quarantine processes done under one roof at the country's entry points.

He said the proposed centre would be equipped with five functions, which are virus/microorganism detection, disinfection process, quarantine centre, quarantine certification and illegal-activities prevention.

"Apart from the infrastructure development and facilities, the project would also include proposal on its own information technology system development to assist in the traceability and automation process.

"Besides from enhancing the country's biosecurity and food security, the OSQC would encourage economic development and businesses, especially agrofood products and e-commerce, as well as increasing their marketability in the international level," he said.

The New Straits Times had last year reported on a meat cartel scandal in the country, which had been in operation for more than 40 years.

“Apart from the development of infrastructure and facility, this project also involves the proposed development of a separate information technology system to help in the traceability and automation processes that will be used.”

The statement also said that Ronald had handed over 54 tonnes of frozen meat products illegally imported from various countries worth RM1.5 million to eight departments and agencies.

The frozen food products, which were handed over at Port Klang today, were confiscated items by the Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS) that were forfeited from cases from February to April.

He handed over the frozen food products to representatives under the Department of Wildlife and National Parks (Perhilitan), among them the Taiping Zoo in Perak, Melaka Zoo, Lost World of Tambun in Perak, Perak National Wildlife Rescue Centre (NWRC) as well as Penor Prison in Pahang, Pengkalan Chepa Prison in Kelantan and Marang Prison in Terengganu.

“MAFI, through MAQIS, is committed to carrying out its social responsibility to help and provide contributions to any department or agency that is in need, such as zoos and prisons, where the confiscated items would be used as a source of food for the inmates’ catfish-breeding rehabilitation project in prisons as well as a source of food for animals in zoos and wildlife conservation centres,” he said - **BERNAMA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | THE SUN DAILY | ONLINE | - |

# MAFI CONSIDERING SETTING UP ONE-STOP QUARANTINE CENTRE



**SHAH ALAM:** The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is studying proposals to set up a One-Stop Quarantine Centre (OSQC) to further empower and enhance the biosecurity and safety aspects of the country's food supply.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (pix) said the proposed setting up of the OSQC was in view of the risk of diseases or pests being brought in via trade, adding that the OSQC, which would meet international standards, would be studied for development at the country's gateways.

He said this was to ensure every agro-food trade underwent a comprehensive inspection and quarantine process at the country's gateways before they are imported or exported.

Generally, he said, the proposed OSQC would have five functions, namely virus/microorganism detection, disinfection process, quarantine centre, quarantine certification and prevention of illegal activities.

"Currently, the country does not have a one-stop quarantine centre that is equipped with the latest technology at every gateway to ensure comprehensive inspections are carried out," he said in a statement today.

"Apart from the development of infrastructure and facility, this project also involves the proposed development of a separate information technology system to help in the traceability and automation processes that will be used."

The statement also said that Ronald had handed over 54 tonnes of frozen meat products illegally imported from various countries worth RM1.5 million to eight departments and agencies.

The frozen food products, which were handed over at Port Klang today, were confiscated items by the Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) that were forfeited from cases from February to April.

He handed over the frozen food products to representatives under the Department of Wildlife and National Parks (Perhilitan), among them the Taiping Zoo in Perak, Melaka Zoo, Lost World of Tambun in Perak, Perak National Wildlife Rescue Centre (NWRC) as well as

Penor Prison in Pahang, Pengkalan Chepa Prison in Kelantan and Marang Prison in Terengganu.

"MAFI, through Maqis, is committed to carrying out its social responsibility to help and provide contributions to any department or agency that is in need, such as zoos and prisons, where the confiscated items would be used as a source of food for the inmates' catfish-breeding rehabilitation project in prisons as well as a source of food for animals in zoos and wildlife conservation centres," he said. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | BERITA HARIAN | ONLINE | - |

# PUSAT KUARANTIN PANTAU KESELAMATAN MAKANAN DIKAJI



**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedang mengkaji cadangan mewujudkan Pusat Kuarantin Setempat (OSQC) selaras agenda keselamatan makanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata cadangan penubuhan OSQC adalah rentetan risiko penyakit atau perosak yang dibawa bersama dagangan.

Katanya, OSQC yang memenuhi standard antarabangsa dikaji untuk dibangunkan di pintu masuk negara bagi memastikan setiap dagangan agromakanan melalui proses pemeriksaan dan kuarantin yang komprehensif di pintu masuk sebelum diimport masuk atau dieksport keluar negara

"Buat masa ini, negara tidak mempunyai satu pusat kuarantin setempat sebegini yang dilengkapi dengan teknologi terkini di setiap pintu masuk bagi membolehkan pemeriksaan komprehensif dilakukan.

"Secara umumnya, OSQC yang dicadangkan ini akan mempunyai lima fungsi iaitu pengesanan virus atau mikroorganisma, proses pembasmian kuman, pusat kuarantin, pensijilan kuarantin dan pencegahan aktiviti haram," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), hari ini.

Kiandee berkata, selain pembangunan infrastruktur dan fasiliti, projek itu juga akan membabitkan cadangan pembangunan sistem teknologi maklumat tersendiri untuk membantu proses kebolehberkesanan dan automasi digunakan.

"Selain memperkukuhkan lagi kawalan biosekuriti dan keselamatan makanan negara, cadangan penubuhan OSQC ini juga akan menggalakkan perkembangan ekonomi dan perniagaan khususnya produk agromakanan dan e-dagang serta meningkatkan kebolehpasaran produk agromakanan negara di peringkat antarabangsa," katanya.

Kenyataan itu turut menyatakan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 8 Jun lalu bersetuju dengan cadangan tindakan pengukuhan dan pemantauan pengimportan daging susulan isu daging sejuk beku yang diimport secara tidak sah.

Kiandee berkata antara cadangan tindakan yang dipersetujui adalah pengukuhan pemantauan dan penguatkuasaan dalam mengatasi ketirisan membabitkan pengimportan daging, menambah baik kaedah pemantauan pengimportan dan transit produk daging.

"Prosedur operasi standard (SOP) diperkukuh, memperhalusi syarat-syarat transit bagi tujuan transit dan 'transshipment' serta melaksanakan kajian semula bagi memperkemaskan peruntukan akta dan peraturan sedia ada termasuk Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | ASTRO AWANI | ONLINE | - |

# MAQIS JOHOR RAMPAS 24,925KG SUSU FORMULA DARI AMERIKA SYARIKAT




*Sebuah kontena yang membawa 24,925 kilogram (kg) susu tepung dari Amerika Syarikat ditahan di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini, kerana mengemukakan sijil kesihatan dengan nombor siri berbeza pada labelnya. - MAQIS*

**JOHOR BAHRU:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 24,925 kilogram susu formula bernilai RM304,583 dari Amerika Syarikat di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini semalam.

Pengarahnya Hizzuan Hasim berkata, rampasan itu susulan pemeriksaan oleh pihaknya pada 12 tengah hari terhadap sebuah kontena membawa 997 beg susu formula yang didapati mengemukakan sijil kesihatan yang berbeza dengan nombor siri pada labelnya.

"Hasil siasatan mendapati nombor kilang pemprosesan yang dinyatakan di dalam sijil kesihatan yang diikrar serta label bungkusan adalah berbeza. Justeru, kesemua susu formula itu dirampas untuk tindakan lanjut," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya tindakan mengimport apa sahaja jenis keluaran pertanian dengan menggunakan atau memberikan permit, lesen, perakuan atau dokumen yang palsu atau tidak tepat serta mengelirukan adalah suatu kesalahan.

Hizzuan berkata kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728), yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya - **BERNAMA**

| Headline | MAFI plans to set up one-stop quarantine centre | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Malaysian Reserve | | |
| Date | 14 Jul 2021 | Color | Black/white |
| Section | Corporate Malaysia | Circulation | 12,000 |
| Page No | 7 | Readership | 36,000 |
| Language | English | ArticleSize | 170 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,199 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,597 |



# MAFI plans to set up one-stop quarantine centre

THE Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is studying proposals to set up a one-stop quarantine centre (OSQC) to further empower and enhance the biosecurity and safety aspects of the country's food supply.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the proposed setting up of the OSQC is in view of the risk of diseases or pests being brought in via trade, adding that the OSQC, which would meet international standards, would be studied for development at the country's gateways.

He said this is to ensure every agro-food trade undergoes a comprehensive inspection and quarantine process at the country's gateways before they are imported or exported. Generally, he said, the proposed OSQC would have five functions, namely virus/microorganism detection, disinfection process, quarantine centre, quarantine certification and prevention of illegal activities.

"Currently, the country does not have an OSQC that is equipped with the latest technology at every gateway to ensure comprehensive inspections are carried out," he said in a statement yesterday.

"Apart from the development of infrastructure and facility, this project also involves the proposed development of a separate information technology system to help in the traceability and automation processes that will be used."

The statement also said that Ronald had handed over 54 tonnes of frozen meat products illegally imported from various countries worth RM1.5 million to eight departments and agencies.

The frozen food products, which were handed over at Port Klang yesterday, were confiscated items by the Malaysian Quarantine and Inspection Services that were forfeited in cases from February to April.

He handed over the frozen food products to representatives under the Department of Wildlife and National Parks including the Taiping Zoo in Perak, Melaka Zoo, Lost World of Tambun in Perak, Perak National Wildlife Rescue Centre, as well as Penor Prison in Pahang, Pengkalan Chepa Prison in Kelantan and Marang Prison in Terengganu. — *Bernama*

Powered by: isentia

| Headline | Ministry considering setting up one-stop quarantine centre | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 14 Jul 2021 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 6 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 134 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 374 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,122 |



# Ministry considering setting up one-stop quarantine centre

**SHAH ALAM:** The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is studying proposals to set up a One-Stop Quarantine Centre (OSQC) to further empower and enhance the biosecurity and safety aspects of the country's food supply.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the proposed setting up of the OSQC was in view of the risk of diseases or pests being brought in via trade, adding that the OSQC, which would meet international standards, would be studied for development at the country's gateways.

He said this was to ensure every agro-food trade underwent a comprehensive inspection and quarantine process at the country's gateways before they are imported or exported.

Generally, he said, the proposed OSQC would have five functions, namely virus/microorganism detection, disinfection process, quarantine centre, quarantine certification and prevention of illegal activities.

"Currently, the country does not have a one-stop quarantine centre that is equipped with the latest technology at every gateway to ensure comprehensive inspections are carried out," he said in a statement Tuesday.

"Apart from the development of infrastructure and facility, this project also involves the proposed development of a separate information technology system to help in the traceability and automation processes that will be used."

The statement also said that Ronald had handed over 54 tonnes of frozen meat products illegally imported from various countries worth RM1.5 million to eight departments and agencies.

The frozen food products, which were handed over at Port Klang today, were confiscated items by the Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) that were forfeited from cases from February to April.

He handed over the frozen food products to representatives under the Department of Wildlife and National Parks (Perhilitan), among them the Taiping Zoo in Perak, Melaka Zoo, Lost World of Tambun in Perak, Perak National Wildlife Rescue Centre (NWRC) as well as Penor Prison in Pahang, Pengkalan Chepa Prison in Kelantan and Marang Prison in Terengganu. — Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFI plans law amendment to block loophole in meat imports | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 14 Jul 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 22 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 140 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,242 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,727 |



# 緊盯肉類進口堵漏洞

## 農業部擬修訂檢疫法




罗纳建迪（右）在巴生港口准备将被充公的非法冷冻牛肉移交给马来西亚半岛野生动物及国家公园局（PERHILITAN）及监狱局属下单位，这些肉类将被用来喂食动物。

（巴生港口13日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，内阁同意通过加强监管及执法来解决肉类进口的漏洞，即通过强化涉及监督肉类产品进口及转运的标准作业程序及细化转运条件，并审查和修订2011年马来西亚检疫和检验服务法令（728法令）的条文。

今年6月8日，国内发生多宗非法进口冷冻肉类食品事件后，由首相丹斯里慕尤丁所主持的国家食品安全政策内阁委员会在会议中同意有关加强监管肉类进口的建议。

### 探讨设一站式检疫中心

他说，为符合国家食品安全议程，农业及食品工业部正在探讨设立一站式检疫中心（OSQC）的建议，以确保所有农业食品在进出我国之前经过全面的检疫及检验程序。

他今日在巴生港口将大马检疫及检验局（MAQIS）从今年2月至4月所充公的冷冻肉类移交给8个部门及机构后，这么对记者说。

有关被充公的冷冻肉类为非法进口我国的肉类，农业部将这些肉类移交给马来西亚半岛野生动物及国家公园局（PERHILITAN）及监狱局属下单位，让动物园喂动物以及让监狱鳄鱼养殖场作为养殖鳄鱼。

罗纳建迪指出，随着进出口的农业食品可能带有疾病或有害生物的风险，农业部决定考虑相关建议。

这项建议中的一站式检疫及检验中心备有5项功能，即检测病毒或微生物，消毒、检疫中心，检疫证明以及预防非法活动。

除了基本建设及设备，这项计划包括开发一个拥有的资讯科技系统，协助追溯及自动化程序。

### 提高农业食品可销售性

罗纳建迪指出，除了强化国家生物安全及食品安全的管制，成立一站式检疫中心的检疫也将促进经济及商业，尤其是农业食品及电商平台的发展，提高我国农业食品在国际市场的可销售性。

出席活动的包括农业部副部长拿督斯里阿末韩查以及MAQIS副总监阿兹哈里等。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Study on setting up one-stop screening centre | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 14 Jul 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A4 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 74 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,460 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,380 |



# 研究設一站式檢疫中心

（沙阿南13日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，该部研究建立一站式检疫中心（OSQC），以加强和巩固国家生物安全和食品安全的建议。

他说，该部将研究在国家入境处建立一站式检疫中心，以确保所有农产品在出口或入口前，先在该处进行全面检查和检疫。

罗南建迪今日发文告说，该一站式检疫中心将拥有5大功能，包括检测病毒或微生物、消毒、作为检疫中心、发出检疫证明和防止非法活动。

他说，除了设备和设施的发展，该项目也涉及开发一个单独的信息技术系统，以帮助可追溯性和自动化过程。

文告指出，罗南建迪已经将总值150万令吉的54吨的走私冷冻肉品交给8个相关机构作为动物饲料。

文告说，上述冷冻肉品是大马检疫及检验局（MAQIS）所充公，涉及从2月至4月的相关案件。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | BERNAMA | ONLINE | - |

# MAFI KAJI CADANGAN WUJUDKAN PUSAT KUARANTIN SETEMPAT



**SHAH ALAM, 13 Julai** -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang mengkaji cadangan mewujudkan Pusat Kuarantin Setempat atau One Stop Quarantine Centre (OSQC) bagi memperkasakan dan memperkukuh aspek biosekuriti dan keselamatan makanan negara.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata cadangan penubuhan OSQC ini adalah rentetan risiko penyakit atau perosak yang dibawa bersama dagangan, yang mana OSQC dengan memenuhi standard antarabangsa akan dikaji untuk dibangunkan di pintu masuk negara.

Beliau berkata perkara itu bagi memastikan setiap dagangan agromakanan melalui proses pemeriksaan dan kuarantin yang komprehensif di pintu masuk sebelum diimport masuk atau dieksport ke luar negara.

Secara umumnya, beliau berkata OSQC yang dicadangkan itu akan mempunyai lima fungsi iaitu pengesanan virus/mikroorganisma, proses pembasmian kuman, pusat kuarantin, pensijilan kuarantin dan pencegahan aktiviti haram.

"Buat masa ini, negara tidak mempunyai satu pusat kuarantin setempat sebegini yang dilengkapi dengan teknologi terkini di setiap pintu masuk bagi membolehkan pemeriksaan komprehensif dilakukan," katanya dalam kenyataan hari ini.

"Selain daripada pembangunan infrastruktur dan fasiliti, projek ini juga melibatkan cadangan pembangunan sistem teknologi maklumat tersendiri untuk membantu proses kebolehkesanan dan automasi akan digunakan," katanya.

Dalam kenyataan sama, dimaklumkan Ronald telah menyerahkan produk daging sejuk beku yang dibawa masuk secara tidak sah dari pelbagai negara berjumlah 54 tan dengan nilai rampasan sebanyak RM1.5 juta kepada lapan jabatan dan agensi.

Produk sejuk beku diserahkan di Pelabuhan Klang hari ini itu adalah hasil rampasan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang telah dilucuthakkan yang membabitkan kes dari bulan Februari sehingga April.

Beliau membuat penyerahan tersebut kepada wakil-wakil di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), antaranya Zoo Taiping Perak, Zoo Melaka, pihak Lost World of Tambun Perak, National Wildlife Rescue Center (NWRC) Perak serta kepada pihak Penjara Penor Pahang, Penjara Pengkalan Chepa Kelantan dan Penjara Marang Terengganu.

"MAFI melalui Maqis komited melaksanakan tanggungjawab sosial untuk membantu dan memberi sumbangan kepada mana-mana jabatan atau agensi yang memerlukan seperti pihak zoo dan pihak Penjara yang mana sitaan tersebut akan dijadikan sumber makanan ternakan ikan keli bagi projek rehabilitasi banduan di penjara serta sumber makanan haiwan di zoo dan pusat konservasi hidupan liar," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | NEW STRAITS TIMES | LETTERS | 13 |

STRAY DOGS

# REPORT ANIMAL ABUSE CASES

I REFER to the *New Sunday Times* report on July 11, under the headline "Police probing animal cruelty video", allegedly showing four Kulim Municipal Council personnel inflicting cruelty on a stray dog, resulting in its death.

I compliment the police for taking action following reports made against the council workers, who had allegedly acted inhumanely against the animal and had caused its death.

An investigation paper has been opened up under Section 428 of the Penal Code for committing mischief by killing, maiming, poisoning and rendering useless any animal or animals, which upon conviction can result in imprisonment of up to three years, or a fine or both.

The Veterinary Services Department must remind local councils to ensure that their workers comply with all the provisions of the Animal Welfare Act 2015.

State governments must also play their part in ensuring that all provisions of the Act are strictly adhered to by the local authorities when dealing with stray animals.

Under the Act, a person commits an offence of animal cruelty if he "cruelly beats, kicks, ill-treats, tortures, infuriates or terrifies any animal". Animal abusers could be fined between RM20,000 and RM100,000 and/or face a jail term of up to three years.

Over the years, we have seen many instances of cruelty to dogs, but there have not been many prosecutions. This could be due to a lack of reports. I wish to call on the public to lodge reports so that investigations can be carried out and the offenders be brought to justice.

Dogs have been dubbed as man's best friend, and for a good reason. They deserve better treatment.

If, for any reason, a dog has to be put down, there is a humane way to do it. It should be done by trained veterinarians or their assistants, not by council workers who have a penchant for inflicting cruelty against animals.

We must all appreciate the work of animal activists who are ever vigilant against acts of animal cruelty. Many of them have been feeding and caring for dogs that have no homes.

But during the Movement Control Order (MCO), these dogs (and cats) have had to fend for themselves in ways that could make them a menace.

The authorities should do something to ensure that these animals do not die from hunger. Animal feeding should be allowed under the MCO.

It is timely for us to remember the words of Mahatma Gandhi, who said: "The greatness of a nation and its moral progress can be judged by the way its animals are treated."

**TAN SRI LEE LAM THYE**
Patron,
SPCA Selangor

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 25 |



AHMAD Tarmizi (dua dari kiri) menyerahkan 1,000 kampit beras daripada MADACorp kepada Kamarul ( kanan) untuk diagihkan kepada orang ramai dalam Op Bantu di Jalan Teluk Wanjah, Alor Setar, semalam.

# MADACorp sokong polis bantu ringan beban orang ramai

**Alor Setar:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Kedah menerima sumbangan 1,000 kampit beras daripada Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn Bhd (MADACorp) untuk disalurkan kepada orang ramai yang terkesan akibat Covid-19.

Sumbangan itu disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) Ahmad Tarmizi Sulaiman kepada Ketua Polis Kedah Datuk Kamarul Zaman Mamat.

Ahmad Tarmizi berkata, MADACorp mengambil inisiatif menyumbangkan beras melalui PDRM sebagai tanda sokongan pihaknya atas usaha polis negeri ini menjalankan Op Bantu.

Dalam pada itu, pihaknya juga akan mengagihkan bantuan ke empat wilayah termasuk Perlis.

"Selain itu, kami turut memberi sumbangan dan bakul makanan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) serta anggota petugas di sekatan jalan raya.

"Penyerahan bantuan ini satu daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) MADACorp kepada rakyat negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Program Penyerahan Bantuan Covid-19 MADACorp melalui PDRM di Jalan Teluk Wanjah di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | - |

## MADACORP SALUR 1,000 KAMPIT BERAS UNTUK RAKYAT KEDAH



*Ahmad Tarmizi (dua dari kiri) membuat simbolik penyerahan beras kepada Kamarul Zaman (tengah) di Ibu Pejabat MADACorp, Menara Peladang pada Selasa.*

**ALOR SETAR** - Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn Bhd (MADACorp) menyalurkan sumbangan sebanyak 1,000 kampit beras untuk membantu rakyat di negeri Kedah yang terkesan akibat Covid-19.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, bantuan sumbangan Covid-19 ini akan disumbangkan kepada masyarakat melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kedah.

Menurut beliau, MADACorp mengambil inisiatif menyumbangkan beras itu melalui PDRM sebagai tanda sokongan atas usaha mereka dalam menjalankan Ops Bantu dianjurkan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah.

"Penyerahan bantuan ini adalah satu inisiatif MADACorp dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada rakyat Kedah yang terkesan disebabkan wabak Covid-19.

"Kita sememangnya amat prihatin dan peka terhadap permasalahan yang dialami rakyat terkesan akibat Covid-10 sekaligus bantuan dan sokongan berterusan akan terus diberikan dalam menyahut kempen kerajaan #KitaJagaKita," katanya.

Beliau berkata sedemikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Bantuan Covid-19 MADA Corp kepada Ketua Polis Kedah, Datuk Kamarul Zaman Mamat di Ibu Pejabat MADACorp di Menara Peladang di sini pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MADACorp, Mohamad Anuar.

Dalam perkembangan sama, Ahmad Tarmizi berkata, di pihak MADA, pihaknya juga menyalurkan pelbagai bentuk bantuan antaranya sumbangan bakul makanan di setiap wilayah MADA termasuklah di Perlis bagi meringankan beban petani.

Sementara itu, Kamarul Zaman berkata, pihaknya berterima kepada pihak berkenaan yang menyalurkan sumbangan dan memberi kerjasama dalam menjayakan Ops Bantu.

Menurut beliau, 1,000 kampit beras diterima akan diagihkan kepada kira-kira 156 balai polis di seluruh Kedah untuk memastikan bantuan berkenaan sampai kepada golongan sasar.

Katanya, pihaknya akan terus bersama-sama mencari individu terkesan akibat Covid-19 demi memastikan mereka tidak ketinggalan ataupun terputus bekalan makanan di negeri ini.

"Setakat ini, kita telah menyalurkan sehingga 20 bantuan kepada penduduk memerlukan di sekitar Kedah, yang mana usaha berkenaan adakan dilaksanakan secara berterusan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 25 |

# Ubi keledek vitato cabaran buat Iqmal

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

**SETIU:** Bergelar 'petani junior' dalam kalangan 70 peserta projek penanaman berkelompok ubi keledek vitato tentunya memberi cabaran besar buat pemuda berusia 19 tahun dari Kampung Banggul di sini.

Bukan sahaja tiada sebarang ilmu dan pengalaman bertani, malah Muhammad Iqmal Haikal Ab. Mueei terpaksa mengerjakan tanah seluas 0.4 hektar itu secara bersendirian tanpa menggunakan khidmat pembantu sebagai langkah berjimat-cermat.

Bagaimanapun, pengorbanannya berpanas dan berhujan di ladang sejak tiga bulan lalu membuahkan hasil apabila lima tan tanaman ubi keledek vitato miliknya dijangka dapat dituai buat pertama kali pada September ini.

Katanya, minat dalam bidang pertanian mendorongnya menerima tawaran sebagai peserta projek penanaman berkelompok itu berbekalkan modal kira-kira RM1,000 daripada wang simpanan dan bantuan keluarga.

"Sebelum ini, saya cuma bekerja di kedai makan dan tawaran mengusahakan tanah pertanian dianggap sebagai peluang keemasan untuk mengubah nasib keluarga.

"Sejak tiga bulan lalu, kehidupan saya banyak di ladang dengan rutin bermula dari pukul 8 hingga 10 pagi sebelum disambung semula pada sebelah petang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Banggul dekat sini semalam.

Muhammad Iqmal Haikal atau mesra disapa Iqmal bersyukur kerana rakan petani lain yang berpengalaman banyak memberi tunjuk ajar dalam soal penanaman ubi keledek vitato.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, projek penanaman berkelompok di kawasan seluas 28.32 hektar berkenaan mampu menghasilkan sebanyak 350 tan ubi keledek vitato dengan pulangan pendapatan bernilai RM630,000 berdasarkan harga pasaran sebanyak RM1.80 sekilogram.

Katanya, ketika ini bekalan tanaman berkenaan dihantar untuk pasaran Lembah Klang dan utara Semenanjung.

"Sambutan orang ramai terhadap ubi keledek vitato amat menggalakkan dan kita juga berhasrat untuk mengembangkan model projek penanaman itu ke lokasi lain dalam usaha meningkatkan lagi pengeluarannya," katanya.



MUHAMMAD Iqmal Haikal Ab. Mueei menunjukkan ubi keledek vitato yang dituai di ladang rakan petaninya dalam projek penanaman berkelompok di Kampung Banggul, Setiu. - UTUSAN/ PUQTRA HAIRRY ROSLI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14.07.2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |

# Petani muda ubi vitato

## *Remaja 19 tahun antara 70 'pahlawan cangkul' sahut tawaran ketika PKP*

Bernama

**Setiu**

Enggan mensia-siakan masa terluang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seorang pemuda memberanikan diri mengusahakan tanaman ubi keledek vitato (ubi vitato) walaupun tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pertanian.

Muhammad Ikmal Haikal Ab Mueei, 19, yang sebelum ini bekerja sebagai pembantu di kedai makan ternyata tidak melepaskan peluang apabila ditawarkan menjadi seorang daripada 70 peserta tanaman ubi vitato berkelompok di Kampung Banggol, di sini.



MUHAMMAD Ikmal Haikal

"Saya mula menanam ubi vitato lebih sebulan yang lepas setelah ditawarkan satu ekar tanah (0.40 hektar) untuk diusahakan. Pada mulanya saya teragak-agak juga kerana langsung tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkaitan pertanian ini.

"Namun selepas difikirkan saya pun tidak dapat bekerja sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini, jadi saya terima tawaran untuk tanam ubi. Pada mulanya memang susah, serba-serbi saya tidak tahu, tetapi ramai peserta lain yang lebih berusia dan berpengalaman sudi memberi tunjuk ajar," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita pada Program Penuaian Ubi Vitato di Pusat Tanaman Ubi Vitato Berkelompok di Kampung Banggol di sini, selain berasa gembira dan tidak sabar menunggu hasil titik peluhnya yang pertama itu dapat dituai dalam tempoh dua bulan lagi.

Muhammad Ikmal berkata, walaupun bidang pertanian kurang diminati anak muda yang seusia dengannya, namun dia bukan sahaja tidak berasa malu malah bercita-cita untuk menjadi seorang petani yang berjaya satu hari nanti.

"Antara yang saya pelajari sepanjang menanam ubi adalah mengenai disiplin masa dan kerajinan. Rutin saya hampir setiap hari di kebun bermula seawal 7 atau 8 pagi untuk meracun pokok. Pada waktu petang perlu juga ke kebun untuk kemas-kemas kebun atau membaja.

"Lagipun saya usahakan kebun seorang diri jadi perlu bekerja keras sikit. Ada juga ayah (Ab Mueei Hamid, 62) dan emak (Fatimah Saleh, 50) menolong tetapi mereka pun sudah agak berumur dan tidak boleh melakukan kerja-kerja berat," katanya yang mengeluarkan modal RM1,000 untuk mula menanam ubi itu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, pusat tanaman ubi vitato berkenaan bermula awal tahun ini adalah projek kerajaan negeri melalui anak syarikatnya, Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC).

"Pusat tanaman itu diusahakan 70 penduduk tempatan. Melalui projek ini setiap peserta disediakan seekar tanah untuk diusahakan tanaman ubi vitato melalui Lesen Pendudukan Sementara. Kami anggarkan setiap ekar mampu mengeluarkan hasil sebanyak lima tan ubi yang dijual RM1.80 sekilogram.

"Jadi tanaman berkelompok seluas 70 ekar atau 28 hektar ini dapat menghasilkan kira-kira 350 tan ubi vitato dengan anggaran hasil jualan RM630,000. Ubi vitato menerima permintaan lebih tinggi pada musim tengkujuh dan harganya juga dijangka akan turut meningkat pada waktu tersebut," katanya.

Katanya, pihaknya menyeru lebih ramai petani termasuk golongan muda menceburi industri tanaman ubi vitato memandangkan ia mempunyai prospek yang tinggi dan mampu menembusi pasaran pasar raya terkemuka terutama di Terengganu.





PETANI mengutip ubi keledek vitato yang dituai menerusi tanaman ubi vitato secara berkelompok di Kampung Banggol, Setiu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14.07.2021 | SINAR HARIAN | WARNA–WARNI KEHIDUPAN | 20 |

# Remaja ceburi tanaman ubi

**Beralih arah selepas kedai makan tempatnya bekerja ditutup susulan PKP**

Oleh RAHAYU MUSTAFA

**SETIU**

Usia muda bukan penghalang buat seorang remaja berusia 19 tahun menceburkan diri dalam bidang pertanian apabila menjadi peserta program tanaman ubi vitato secara berkelompok di Kampung Banggol di sini.



IQMAL HAIKAL

Muhammad Iqmal Haikal Ab Mueei dari Kampung Banggol di sini berkata, walaupun tidak mempunyai pengalaman, namun dia yang merupakan peserta termuda mengambil keputusan untuk serius dalam bidang pertanian bagi menjana ekonomi.

"Sebelum ini saya bekerja di kedai makan dekat Penarik tetapi kedai terpaksa ditutup susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Jadi, bila tanaman ubi vitato sudah bermula, saya berikan sepenuh perhatian terhadap kerja ini.

"Saya tidak pernah bertani tetapi disebabkan minat, saya teruskan dengan harapan dapat belajar selok-belok pertanian dengan peserta lain yang lebih berpengalaman," katanya pada Selasa.

Menurut anak kelima daripada tujuh beradik itu, rutinnya di kebun bermula jam 8 pagi dan pulang dua jam kemudian sebelum ke kebun semula sekitar jam 5 petang untuk membaja serta menyiram tanaman.

"Saya mengeluarkan modal lebih RM1,000 hasil simpanan sendiri dan sumbangan daripada bapa serta adik-beradik bagi memastikan hasrat saya menjadi usahawan tani tercapai.

"Masa mula-mula tanam memang rasa susah terutama dari segi kewangan dan tenaga buruh.

"Saya tidak ada pekerja dan hanya tanam sendiri. Mujurlah ayah, Ab Meei Hamid, 62 dan ibu, Fatimah Salleh, 50, membantu saya," katanya.

Jelas Muhammad Iqmal Haikal lagi, kini tanaman ubi vitato seluas 0.4 hektar yang diusahakan sudah berusia sebulan dan dijangka dapat dituai September ini.

Anak muda itu merupakan salah seorang daripada 70 peserta Program Tanaman Ubi Vitato secara berkelompok di atas tanah seluas 28 hektar mengikut model kerjasama antara kerajaan negeri dan penduduk setempat di Kampung Banggol.

Sementara itu, Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, projek tanaman ubi vitato berkelompok akan diperluaskan di beberapa kawasan lain bagi peningkatan tahap sara diri (SSL).

Beliau berkata, tanaman ubi vitato di Kampung Banggol dapat menghasilkan kira-kira 350 tan ubi semusim dengan anggaran jualan RM630,000 iaitu berdasarkan harga semasa RM1.80 sekilogram.

"Ubi ini dipasarkan ke Lembah Klang, utara dan beberapa kawasan lain. Tanaman ubi vitato menjadi antara fokus kita untuk pembangunan tanah terbiar.

"Kita mahukan lebih ramai peserta terlibat dalam pertanian," kata Azman.



Peserta tanaman ubi vitato berkelompok menunjukkan ubi vitato yang sudah dituai dan bersedia untuk dipasarkan.



Program Tanaman Ubi Vitato secara berkelompok yang diusahakan penduduk setempat di Kampung Banggol, Setiu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14.07.2021 | HARIAN METRO | ONLINE | - |

## PENTERNAK LEMBU KERUGIAN, MASJID BATALKAN TEMPAHAN UNTUK IBADAH KORBAN



Kuala Lumpur: Penternak lembu di Raub, Pahang mendakwa kerugian lebih RM60,000 selepas beberapa masjid di Lembah Klang membatalkan tempahan lembu untuk sambutan Aidiladha.

Ini kerana, beberapa masjid yang sebelum ini sudah menempah lembu untuk ibadah korban, terpaksa membatalkan tempahan susulan ketetapan baharu Prosedur Operasi Standard (SOP) akibat Covid-19.

Penternak dari Kampung Sengkela, Raub, Johari Kassim, 39, berkata, sebelum ini dia sudah menerima tempahan daripada masjid di ibu negara, namun dimaklumkan ia terpaksa dibatalkan.

Katanya, keadaan itu menyebabkan dia mengalami kerugian kerana lembu tidak terjual.

"Saya pun tidak tahu nak kata macam mana, rugi itu sudah tentu. Tahun lepas proses sembelih juga dibuat di rumah sembelihan, tetapi tahun ini masjid batalkan tempahan atas alasan mengikut SOP yang ditetapkan kerajaan.

"Kalau yang ada lembu banyak mungkin tak terasa, tapi kalau yang secara kecil-kecilan, memang rugi kerana lembu tak boleh jual.

"Penternak seperti kami hanya jual lembu pada musim Hari Raya saja," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Berdasarkan ketetapan baharu, masjid dan surau di Wilayah Persekutuan hanya dibenarkan melaksanakan ibadah korban di rumah sembelihan.

Seorang lagi penternak yang mahu dikenali sebagai Munir, 38, berkata, ada beberapa rakan penternak berdepan isu pembatalan tempahan oleh masjid ekoran SOP.

"Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) memang memberi kesan kepada kami.

"Saya juga berdepan isu pembatalan daripada badan bukan kerajaan (NGO) kerana masalah SOP serta kesukaran untuk merentas negeri," katanya yang mengusahakan ternakan lembu di Kampung Indah di Banting, Selangor.

Sementara itu Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) Datuk Mohd Ajib Ismail berkata, untuk tahun ini ibadah korban di masjid dan surau di Wilayah Persekutuan diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Masjid Jawi di bawah program Musaadah Perdana Ibadah Korban.

Menurutnya, ketetapan yang dibuat adalah untuk menyelaraskan ibadah korban sesuai dengan SOP ditetapkan pihak berkuasa.

Katanya, proses penyembelihan binatang korban, lapah, potong dan pembungkusan daging korban hanya dilaksanakan di Rumah Sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengikut penyelarasan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) melalui Pejabat-Pejabat Pentadbiran Zon.

"Ketetapan ini diperkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al- Mustafa Billah Shah.

"Pengagihan dibuat secara terus kepada peserta, fakir miskin berdasarkan senarai nama yang ditetapkan, petugas barisan depan dan golongan sasaran," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan ibadah korban di kawasan lapang selain masjid dan surau di Wilayah Persekutuan dibenarkan dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jawi dan Pejabat Kesihatan Daerah dengan had kapasiti sembelihan korban tidak melebihi lima ekor sehari dan bilangan kehadiran termasuk petugas tidak melebihi 12 orang.

Katanya, pihaknya mengambil maklum mengenai kerugian dialami penternak, namun keputusan untuk melaksanakan ibadah korban seperti ditetapkan dibuat selepas perbincangan pelbagai agensi.

"Kita selaraskan ibadah korban di masjid dan surau, tetapi jika NGO atau persatuan penduduk ingin melaksanakan korban, dan bekalan lembu itu daripada mana, kita tidak ada masalah.

"Pengerusi masjid sudah pun dimaklumkan mengenai ketetapan ini dan kita berharap ia berjalan lancar dan segala SOP ditetapkan dipatuhi demi kebaikan bersama," katanya.